



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING REKTOR

BILANGAN 5 TAHUN 2014

**PEMAKLUMAN MENGHADKAN SEMUA LAWATAN / AKTIVITI
PELAJAR YANG MENGGUNAKAN TABUNG AMANAH
PEMBANGUNAN AKADEMIK (TAPA) DAN TABUNG AMANAH
KEGIATAN PELAJAR HEP DI NEGERI-NEGERI DI SEBELAH UTARA
SAHAJA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai ketetapan menghadkan semua lawatan / aktiviti pelajar yang menggunakan Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA) dan Tabung Amanah Kegiatan Pelajar HEP di negeri-negeri di sebelah utara sahaja.

LATAR BELAKANG

2. Semua lawatan / aktiviti pelajar bagi tujuan akademik adalah menggunakan Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA) manakala lawatan / aktiviti kelab dan persatuan adalah menggunakan Tabung Amanah Kegiatan Pelajar HEP.
3. Walau bagaimanapun, pihak Pengurusan Tertinggi UiTM Cawangan Kedah mendapati kebanyakan lawatan / aktiviti pelajar yang dijalankan adalah di luar kawasan utara di mana ianya melibatkan kos dan jumlah peruntukan yang tinggi. Sehubungan itu, pihak Pengurusan Tertinggi UiTM Cawangan Kedah telah berbincang dan bersetuju menetapkan supaya semua lawatan / aktiviti pelajar yang menggunakan Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA) dan Tabung Amanah Kegiatan Pelajar HEP dihadkan di negeri-negeri di sebelah utara sahaja.

4. Negeri-negeri di sebelah utara yang dimaksudkan adalah seperti berikut:
 - 4.1 Perlis;
 - 4.2 Kedah (tanah besar sahaja tidak termasuk Pulau Langkawi);
 - 4.3 Pulau Pinang; dan
 - 4.4 Perak Utara sahaja.

PELAKSANAAN

5. Pihak Pengurusan Tertinggi UiTM Cawangan Kedah membuat ketetapan bahawa semua lawatan / aktiviti pelajar yang menggunakan peruntukan melalui Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA) dan Tabung Amanah Kegiatan Pelajar HEP adalah dihadkan di negeri-negeri di sebelah utara sahaja (seperti yang dinyatakan di perenggan 4 di atas) kecuali maklumat / pengetahuan / kemahiran yang diperlukan tidak dapat diperolehi daripada organisasi-organisasi yang berada di negeri-negeri tersebut atau aktiviti-aktiviti tidak dapat dijalankan di negeri-negeri tersebut.
6. Selain itu, ketetapan ini juga adalah selaras dengan pembentangan Amanat Naib Canselor 2014 yang meminta setiap jabatan / bahagian supaya melaksanakan perbelanjaan berhemah.

TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling dikeluarkan pada **2 April 2014**.

TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa pada **1 April 2014**.



DR. ASMADI MOHAMMED GHAZALI

Rektor

UiTM Cawangan Kedah

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit
Ketua Pusat Pengajian (KPP)*